

Bekas diplomat, anak didakwa tanam 102 pokok ganja

BERNAMA



ZAINAL Abidin (dua, kiri) dan anak lelakinya, Mohamed Rizal (dua, kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini, atas tuduhan menanam pokok ganja, bulan lalu. FOTO Bernama.

Raub: Bekas diplomat dan anak lelakinya mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas pertuduhan menanam pokok ganja, bulan lalu.

Datuk Zainal Abidin Alias, 78, dan Mohamed Rizal, 53, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Ahmad Faizadh Yahaya.

Dua beranak itu didakwa bersama-sama menanam sejumlah 102 pokok ganja di sebuah rumah di Kampung Sum-Sum Hilir, Janda Baik, Bentong pada 6.10 petang, 21 Mei lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 6B Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara seumur hidup dan rotan tidak kurang enam kali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pengarah Pendakwaan Pahang Mohammad Khalid Ab Karim, Timbalan Pendakwa Raya Hayda Faridzal Abu Hassan dan Anisah Pisol manakala tertuduh diwakili peguam Rahmat Hazlan.

Pada prosiding itu, pihak pendakwaan memaklumkan tiada jaminan ditawarkan kepada kedua-dua tertuduh manakala Rahmat memberitahu pihaknya sudah menghantar representasi kepada Jabatan Peguam Negara pada 2 Jun lalu berhubung pertuduhan terhadap anak guamnya.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes pada 22 Julai depan.

Pada Jumaat lalu, mereka dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bentong atas pertuduhan mengedar 1,020 gram dadah jenis ganja dan menyimpan 60 mililiter minyak ganja.

Bagi pertuduhan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 39B akta sama yang boleh dijatuhkan hukuman gantung sampai mati jika sabit kesalahan.

Selain itu, Mohamed Rizal juga berdepan pertuduhan menggunakan dadah jenis THC di pejabat narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Bentong pada 8.40 malam, 23 Mei lalu.

Disiarkan pada: Jun 8, 2022 @ 12:42pm